

**Syarat-syarat Khusus Permohonan Guru/Pensyarah Cemerlang Bagi Pegawai  
Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Ex-PPPLD di Sekolah Rendah/Sekolah  
Menengah/KV/KM/ELTC**

1. Permohonan Guru/Pensyarah Cemerlang PPP Gred DG44 (KUP):

- a. Pemohon telah disahkan jawatan dalam Gred DG41;
- b. Kelonggaran tempoh perkhidmatan bagi PPP yang pernah berkhidmat sebagai PPPLD adalah berdasarkan perkiraan di bawah:

Minimum Tempoh perkhidmatan PPP Gred DG41	Minimum Tempoh Perkhidmatan PPPLD	Tempoh Perkhidmatan Keseluruhan
3 tahun	6 tahun*	5 tahun
4 tahun	3 tahun*	5 tahun

\*Setiap tiga (3) tahun pengalaman mengajar sebagai PPPLD dikira bersamaan dengan satu (1) tahun pengalaman mengajar sebagai PPP Gred DG41. Tempoh had maksimum bagi syarat ini adalah enam (6) tahun sahaja. (Rujuk Mesyuarat LKPPP Bil. 7/2010);

- c. Mata pelajaran/bidang kepakaran yang dipohon merupakan mata pelajaran **utama** yang diajar oleh pemohon;
- d. Mengajar mata pelajaran/bidang kepakaran selama **3 tahun** terakhir berturut-turut; dan
- e. Calon bidang pentadbiran (cth: Guru Penolong Kanan) boleh memohon dengan syarat mesti melepaskan jawatan pentadbiran, sekiranya ditawarkan pemangku Guru/Pensyarah Cemerlang.